

# ورتاق فنرشن Warta Penerangan



JANUARI 2019





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
**Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

## Isi Kandungan

## Muka

Sekapur Sirih dari Pemangku Pengarah Penerangan	5
Ucapan dari Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan	6
Pembahagian Kalendar 2019	7
Menteri di Jabatan Perdana Menteri tinjau perkembangan Jabatan Penerangan	8 - 9
Program Sua Muka Penerangan teruskan kongsi maklumat kerajaan	10
Program AAK eratkan hubungan kerajaan, masyarakat	11
Harapan dan Motivasi Tahun Baharu 2019	12 - 13
Program Perkampungan Sivik asuh penerus <i>survival bangsa</i>	14 - 15
Jabatan Penerangan semai semangat patriotisme pelajar	16
Program Taklimat Kenegaraan di sekolah-sekolah	17
Program RRP bersama pelajar	18 - 19
Brunei Darussalam tuan rumah ASEAN WG-IMTSOMRI	20 - 21
Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	22
Senarai Pegawai dan Kakitangan Berkursus/Taklimat/Bengkel bulan Januari 2019 Pedoman Peristiwa Jabatan Penerangan	23



**WARTA** Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Sekapur Sirih

# Pemangku Pengarah Penerangan

Sempena Tahun Baru 2019

Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een.

Segala puji dan syukur kehadrat Allah seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerabat-kerabat Baginda, para-para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Warga Jabatan Penerangan yang paramba/saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, paramba/saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Masihi 2019 kepada semua warga Jabatan Penerangan di mana ju bertugas. Sebagai Ketua Jabatan, paramba/saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga Jabatan Penerangan yang telah bertungkus lumus melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab sepanjang tahun 2018.

Dengan moto ‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’ harapan paramba/saya melangkah ke tahun 2019 ini adalah setiap warga jabatan ini akan terus berkhidmat dengan lebih komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan telus dan efisien untuk meningkatkan KPI masing-masing bagi memenuhi sasaran kerja sepanjang tahun 2019 ini.

Apa yang paramba/saya ingin tekankan ialah mengenai sikap segelintir pegawai/kakitangan di jabatan ini yang bersikap tidak ingau dengan segala aktiviti atau program-program yang dijalankan di dalam atau luar jabatan. Sikap tidak ingin mengambil tahu mengenai hal ehwal jabatan perlu dikikis kerana sikap seperti ini lebih merugikan diri masing-masing. Sama-sama kita bertanggungjawab untuk mengetahui hal-hal di jabatan dan bukan hanya terhad di daerah-daerah sahaja.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.**

Paramba/saya berharap para pegawai dan kakitangan supaya bijak dalam berkomunikasi dan mengambil tahu hal ehwal jabatan dengan menggunakan medium yang sedia ada seperti WhatsApp untuk kemudahan semua. Keluar daripada group WhatsApp jabatan bukanlah satu tindakan yang bijak kerana ini akan menyukarkan dalam satu perhubungan yang berkesan. Perkara sebegini perlulah dielakkan bagi sama-sama mengekalkan silaturahim di dalam jabatan.

Akhirnya, paramba/saya berharap para pegawai dan kakitangan sekalian akan dapat melipatgandakan usaha bagi meningkatkan produktiviti jabatan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’

Mawardi bin Haji Mohammad  
Pemangku Pengarah  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam.

## Ucapan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar**

Bismillahir Rahmanir Raheem

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Tahun Baharu 2019 diucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan, dan semoga tahun ini akan menjanjikan perkhidmatan yang berkualiti dan dapat menghasilkan produk-produk kerja yang lebih mencabar dan berkesan seperti yang diharapkan. Di samping kitani melihat ke hadapan, kita seharusnya tidak lupa untuk menoleh ke belakang dan merenung sebentar dan bertanya pada diri sendiri apakah sudah cukup kerja yang telah diamanahkan telah kita laksanakan. Nilai diri kita sendiri dan melihat apakah objektif jabatan telah dapat dicapai melalui sumbangan yang diberikan atau hanya sekadar melepaskan batuk di tangga.

Setentunya bagi yang masih dalam perkhidmatan kerajaan, bekerjalah dengan ikhlas dan beri sokongan kepada jabatan dalam melaksanakan strategi kerjanya. Diharap tahun 2019 kita akan melihat adanya aktiviti-aktiviti kerja jabatan yang lebih berkesan dan mampu bersaing dengan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Setiap warga Penerangan dalam apa jua peringkat memainkan peranan penting dalam memastikan program-program yang dirancang akan dapat menepati KPI yang sudah disusun. Saya berharap sikap efisien dan inovatif akan menyuntik semangat semua pegawai dan kakitangan di jabatan ini untuk terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Kejayaan jabatan adalah kerana kejayaan dan usaha keras setiap warga, semoga tahun 2019 jabatan akan lebih cemerlang dan terbilang. Terima kasih semua.

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Hormat,  
Hajah Noorashidah bte Hj Aliomar  
Pmk. TP/KK (Na)  
Jabatan Penerangan

## Pembahagian Kalendar 2019



**ORANG ramai mendapatkan kalendar 2019 di Jabatan Penerangan.**



**PEMBAHAGIAN Kalendar 2019 di Cawangan Penerangan Daerah Tutong.**



**ORANG ramai mengambil kalendar 2019 di Cawangan Penerangan Daerah Belait.**



**KALENDAR 2019 tidak ketinggalan diagih-agihkan di Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**

# Menteri di Jabatan Perdana Menteri tinjau perkembangan Jabatan Penerangan

Siaran Akhbar: Jabatan penerangan  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika mendengarkan taklimat mengenai peranan dan fungsi Jabatan Penerangan.**

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Januari.- Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Penerangan bagi meninjau secara lebih dekat lagi perkembangan jabatan tersebut.

Kehadiran Yang Berhormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri tersebut dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut.

Semasa lawatan tersebut Yang Berhormat telah diberi penerangan ringkas mengenai tugas, fungsi dan peranan jabatan tersebut yang



**YANG Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti semasa mengadakan lawatan ke Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media.**

diadakan di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dalam ucapannya menjelaskan tentang peranan

jabatan tersebut selaku lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan dasar-dasar kerajaan kepada masyarakat di negara ini melalui berbagai program yang telah dikendalikan.



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan di Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.**



**Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti semasa merasmikan Pusat Rujukan Penerangan.**

Dalam lawatan tersebut Yang Berhormat juga berkesempatan mengadakan lawatan ke beberapa bahagian di Jabatan Penerangan untuk mengetahui lebih dekat lagi gerak kerja yang dilaksanakan.

Antara bahagian dan unit yang sempat dilawati oleh Yang Berhormat ialah seperti Unit Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Media, Unit Pelita Brunei, Unit Fotografi dan Unit Penerbitan dan Seni Grafik.

Pada lawatan tersebut, Yang Berhormat juga telah merasmikan Pusat Rujukan Penerangan yang menyimpan bahan-bahan terbitan sama ada buku-buku terbitan Jabatan Penerangan sendiri maupun bahan-bahan terbitan dari luar termasuk terbitan Pelita Brunei yang lama.



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa mengadakan lawatan ke Unit Pelita Brunei (atas kiri) manakala (atas kanan) ketika melawat ke Unit Fotografi.**

## Program Sua Muka Penerangan teruskan kongsi maklumat kerajaan



**Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan**  
**Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Mengetuai Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengaruhnya, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat dan Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada Program Sua Muka yang diadakan di Kampung Kenua, Mukim Bokok.**

TEMBURONG, Khamis, 24 Januari. - Program Sua Muka (*Personal Contact*) Jabatan Penerangan sangat signifikan dalam menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua masyarakat di negara ini memahami dan menyokong serta menghayatinya secara berkesan.

Selain sebagai landasan untuk mendapatkan isu-isu, pendapat dan cadangan yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan, program ini juga dihasrat

untuk mencari jalan terbaik bagi menukar *mindset* masyarakat untuk tidak bergantung harap bantuan kerajaan semata-mata dan menaik taraf kehidupan penduduk agar boleh berdikari.

Kunjungan Program Sua Muka seterusnya telah diadakan di Kampung Kenua, Mukim Bokok yang berlangsung di kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Penghulu Mukim Bokok selaku Pemangku Ketua Kampung Kenua.

Hadir sama ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Kenua; para penduduk Kampung Kenua dan wakil dari Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Program tersebut turut memperkenalkan dan membarigakan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan ‘InfoDeptBN’; menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi berkenaan melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS serta maklumat berkaitan Epaper Pelita Brunei, Penerbitan, Waktu Sembahyang, Iklan Jawatan Kosong.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan berserta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Kenua; para penduduk Kampung Kenua dan wakil dari Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) dalam program tersebut.**

# Program AAK eratkan hubungan kerajaan, masyarakat

**Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang semasa hadir pada Program Awasi Anak Kitani untuk Mukim Liang.**



**PENDUDUK Mukim Liang yang hadir pada Program Awasi Anak Kitani di Mukim Liang.**

**M**UKIM LIANG, Sabtu, 12 Januari. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait meneruskan Program Awasi Anak Kitani (AAK) dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Pejabat Peguam Negara sebagai usaha untuk menghubungkan masyarakat dengan agensi-agensi kerajaan ke arah membarigakan pengetahuan dan maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat.

Sebagai program pertama 2019 ini, ianya telah bermula di Mukim Liang yang bertempat di Dewan VIP, Kelab Rekreasi Lumut Liang dan dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM), Ahli Majlis Perundingan Kampung

(MPK), Pengawas Kejiranian Kampung serta para penjaga dan ibu bapa.

Program diisikan dengan beberapa taklimat dari tiga agensi kerajaan, iaitu Biro Kawalan Narkotik (BKN); Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Pejabat Peguam Negara.

Program AAK merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang diadakan di mukim-mukim seluruh negara dengan hasrat untuk dapat menambah serta meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dan perangkap dadah serta isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri.

Program diakhiri dengan sesi soal jawab serta menyaksikan pameran-pameran dari BKN termasuk risalah terbitan JKDN dan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan.

## Harapan dan Motivasi Tahun Baharu 2019



**DAYANG Mufidah binti Abdul Hakim.**



**DAYANG Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.**

Harapan saya selaku Ketua Unit Kenegaraan semoga apa jua yang diamanahkan untuk dilaksanakan akan dapat dibuat dengan baik, segala kerja-kerja dapat dilaksanakan sehingga mencapai ketepat yang cemerlang pada tahun 2019 ini dan semoga KPI yang telah digariskan untuk Unit Kenegaraan mencapai sepenuhnya.

Selaku Ketua Unit Seni Grafik harapan saya pada tahun ialah untuk meningkatkan lagi mutu kerja sesuai dengan visi dan misi jabatan selain mencapai KPI pada tingkat maksimumnya selain untuk sentiasa mengukuhkan lagi kerjasama antara pegawai dan kakitangan di unit ini bagi mencapai kualiti yang lebih baik.

Selaku Ketua Unit Penyelidikan dan Perkembangan, saya berharap agar unit ini akan dapat menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan selain mencapai KPI yang telah ditentukan untuk tempoh setahun ini terutama bagi setiap pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Dari segi latihan saya juga diharap agar iaanya dapat dikembangkan lagi terutama dalam penambahbaikan dari segi mutu kerja.



**AWANG Musa bin Haji Mohiddin.**

Saya selaku Ketua Unit Terjemahan dan Brunei Report berazam pada tahun 2019 akan menjaga mutu kerja dengan baik dan paling tidak pun kekal bagus dan tidak menurun. Maklumlah kita sekarang ini mengamalkan sistem KPI jadi secara praktisnya KPI itu menitikberatkan terhadap mutu kerja di samping menepati *date line* yang diperlukan dari setiap kakitangan.



**AWANG Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor.**



**DAYANG Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.**

Selaku Ketua Unit Hubungan Masyarakat berinspirasi untuk bergiat lebih baik lagi dan mencapai KPI untuk unit ini dengan maksima selain menaruh harapan agar program-program yang dilaksanakan dapat disempurnakan dengan lebih baik.


Dalam kitani menjalankan tugas jangan lupa tanggungjawab kita kepada agama terutama dalam menunaikan solat selain menjaga kesihatan. Jadikanlah tugas kitani sebagai ibadah.

Dengan kedatangan tahun baharu 2019 ini, saya selaku Ketua Unit Penerbitan Inggeris 1 berharap agar kerja-kerja UPI 1 dapat mencapai visi dan misi jabatan serta dapat menyiapkan kerja-kerja dan terbitan yang berkualiti.

Selain itu saya juga berazam untuk meningkatkan lagi perkembangan profesion penyuntingan, penulisan dan penyemakan di unit ini dari segi penulisan dan pengetahuan



**AWANG Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.**



**AWANG Marzuki bin Mohamed.**

Mewakili Unit Stor saya mengucapkan selamat tahun baharu 2019, semoga dengan kedatangan tahun baharu ini unit kami akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan prestasi kerja ke tahap yang lebih baik dari tahun sebelumnya.



**AWANG Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Haji Ramli.**

Selaku ketua pegawai dan kakitangan di Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, saya menyeru agar sentiasa mewujudkan kerjasama dalam menjalankan tugas selain memeduli tanggungjawab masing-masing dan menanai tanggungjawab dengan penuh amanah iaitu dalam sama-sama mendukung visi, misi dan objektif jabatan.

# Program Perkampungan Sivik asuh penerus survival bangsa

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama para ibu bapa, dan peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2019 menyanyikan lagu kebangsaan pada Majlis Pendaftaran program tersebut.**

**B**ERAKAS, Ahad, 27 Januari. - Seramai 35 orang peserta terdiri dari lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara menyertai Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2019.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan tersebut bermula hari ini sehingga 1 Februari 2019.

Majlis pendaftaran dan taklimat mengenai program berkenaan telah diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan dan turut dihadiri oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, ibu bapa para peserta dan ahli-ahli jawatankuasa.

Selepas majlis pendaftaran, para peserta perkampungan kemudian dibawa beredar ke Kompleks Sungai Kebun bagi mengikuti aktiviti-aktiviti perkampungan selama 6 hari.

**PARA peserta Program Perkampungan Sivik semasa mendengarkan taklimat mengenai Melayu Islam Beraja: Sejarah dan Kelangsungan (kanan).**



**SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai program tersebut.**



## Aktiviti-aktiviti sepanjang Program Perkampungan Sivik



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad** sewaktu menyampaikan sijil kepada peserta-peserta Program Perkampungan Sivik setelah tamat mengikuti program tersebut.



**ANTARA** taklimat yang disampaikan pada program tersebut termasuklah dari pegawai dari Jabatan Penerangan dan para jemputan dari luar.

Selama menjalani perkampungan para peserta telah didedahkan dengan berbagai taklimat dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan selain dibawa melawat termasuk ke perusahaan-perusahaan tempatan di samping melakukan berbagai aktiviti-aktiviti sihat.

Dengan adanya program seumpama ini diharap akan menjadi salah satu landasan bagi lepasan-lepasan ijazah mengharungi pelbagai cabaran masa depan dan seterusnya mampu mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain dan pada masa yang sama mampu berfikir secara kreatif dan kritis khususnya untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, sekali gus mampu merebut peluang-peluang pekerjaan bukan saja di sektor kerajaan tetapi juga di sektor swasta.



**PARA** peserta Program Perkampungan Sivik semasa dibawa melawat ke perusahaan-perusahaan tempatan selain ke sektor kerajaan yang lain.



**PESERTA** Program Perkampungan Sivik semasa dibawa melawat ke Jabatan Adat Istiadat Negara.

**PESERTA** Program Perkampungan Sivik semasa melakukan kempen kebersihan di Pantai Maragang.

Perkampungan sivik merupakan satu projek yang dilaksanakan melalui strategi kerja jabatan iaitu ‘Komunikasi Bersemuka’ selaras dengan visi jabatan, sebagai salah sebuah agensi peneraju kerajaan dalam menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi kerajaan.

## Jabatan Penerangan semai semangat patriotisme pelajar

Siaran Akbar: Jabatan Penerangan

Foto: Unit Foto Jabatan Penerangan

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari.- Program Taklimat Kenegaraan “Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam” yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan bagi sekolah-sekolah kerajaan mahupun swasta bagi tahun 7 hingga tahun 10 meneruskan misinya dengan mendekati beberapa buah sekolah di negara ini sepanjang bulan Januari 2019.

Program tersebut merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam membentuk serta menyemai diri belia di negara ini untuk mencintai Raja, agama, bangsa dan negara selaku penerus dan pewaris kepimpinan di masa depan.

Program diisikan dengan taklimat kenegaraan yang menyentuh mengenai Raja kita selain tatacara menaik-kibarkan bendera negara



**PROGRAM** Taklimat Kenegaraan “Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam” semasa diadakan di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

dan Lagu Kebangsaan “Allah Peliharakan Sultan” yang mana sememangnya salah satu cara Jabatan Penerangan mananamkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam setiap diri penuntut.

Dalam program yang sama para pelajar turut ditontonkan klip video mengenai dengan Semarak Pengibaran Bendera Negara selain menyaksikan animasi tatacara menaikkan bendera negara dengan betul di samping mereka berpeluang menyertai kuiz.



**PROGRAM** Taklimat Kenegaraan “Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam” ketika diadakan di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (atas kiri) pada 5 Januari 2019 manakala di Sekolah Menengah Sayyidina Husain diadakan pada 15 Januari 2019 (atas kanan).

## Program Taklimat Kenegaraan di sekolah-sekolah



PADA 19 Januari 2019, sebahagian daripada pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (atas kiri) dan pada 15 Januari 2019, pelajar Sekolah Menengah Arab Temburong (atas kanan) semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan “Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam” anjuran Jabatan Penerangan di sekolah masing-masing.



PEGAWAI-pegawai dari Jabatan Penerangan masing-masing menyampaikan taklimat pada Program Taklimat Kenegaraan “Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam” di Maktab Sultan Omar ‘Ali Saifuddien (atas kiri) pada 23 Januari 2019 dan di Sekolah Arab Kuala Belait (atas kanan) pada 26 Januari 2019.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Perdana Wazir semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan pada 28 Januari 2019.

SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan yang diadakan di sekolah tersebut pada 29 Januari 2019.

## Program RRP bersama pelajar

**Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan**  
**Foto: Unit Foto, Jabatan Penerangan**

**TUTONG**, Rabu, 16 Januari. - Program Rakan Remaja Penerangan dihasrat untuk mendekati para pelajar di sekolah-sekolah agar mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dalam kalangan remaja.

Selain sebagai alat untuk menyebarluaskan maklumat dan kegiatan semasa, program ini juga dijadikan sebagai medium untuk memberi kesedaran sivik dan semangat kenegaraan kepada golongan ramaja iaitu ke arah pembentukkan minda dan moral positif dan dalam masa yang sama untuk mendekati mereka melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Sehubungan itu sepanjang bulan Januari ini, Jabatan Penerangan sama ada melalui ibu pejabat pusat mahupun menerusi cawangannya di daerah-daerah meneruskan lagi program tersebut ke beberapa buah sekolah.

Perisian program tersebut termasuklah menyanyikan Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan diikuti dengan menyanyikan lagu patriotik ‘Bendera Negara’ selain mendengarkan taklimat kenegaraan “Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam”.

Juga disajikan ialah tayangan klip-klip video mengenai pengibaran bendera negara di samping persembahan pentas termasuk lawak jenaka dari artis tempatan.



*KETUA Kokurikulum, Daerah Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Ajamain bin Haji Othman semasa hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan di Sekolah Menengah Tanjong Maya.*



*SALAH satu adegan lawak jenaka yang dipersembahkan oleh artis-artis tempatan pada program tersebut yang diadakan di Sekolah Menengah Tanjong Maya.*



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku tetamu kehormat Program Rakan Remaja Penerangan semasa diadakan di Sekolah Menengah Lambak Kiri (atas kiri) pada 22 Januari 2019 sementara (atas kanan) merupakan aksi para pelajar dalam menyampaikan mesej melalui pesembahan pentas.



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul bin Haji Yahya semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis Program Rakan Remaja Penerangan yang diadakan di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (atas kanan) pada 24 Januari 2019 dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang berjaya menjawab soalan kuiz (atas kanan).



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar ketika membuat persembahan pentas pada Program Rakan Remaja Penerangan pada 29 Januari 2019 di sekolah tersebut.

**SEBAHAGIAN** daripada pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Kampung Kilanas ketika menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan pada 17 Januari 2019.

# Brunei Darussalam tuan rumah ASEAN WG-IMTSOMRI

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Azmah Haji Ahad, Pg Amirul Nizam Pg.Hj.Md.Ali, Abu Bakar Haji Abd.Rahman



**MESYUARAT Kumpulan Kerja Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan, Media dan Latihan Kali Ke-4 semasa berlangsung di negara ini.**

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Januari. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Mesyuarat Kumpulan Kerja Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan, Media dan Latihan Kali Ke-4 (4<sup>th</sup> ASEAN SOMRI WG-IMT) yang diadakan di Hotel Radisson di ibu negara.

Mesyuarat dihadiri oleh perwakilan dari sepuluh negara anggota ASEAN dan juga Sekretariat ASEAN antara lain antara lain membincangkan mengenai tindakan-tindakan dan inisiatif yang telah diambil dalam bidang-bidang keutamaan kumpulan kerja, projek-projek bersama rakan-rakan dialog dan pertubuhan antarabangsa serta pelaksanaan dan pemerhatian terhadap Pelan Strategik ASEAN bagi penerangan dan media 2016-2025.

Selain itu, mesyuarat juga menumpukan perbincangan beberapa bidang yang berkepentingan termasuk pemilihan dasar dalam penyiaran, media cetak, wartawan dan media baharu serta pembangunan kapasiti bagi kakitangan media.

**DUA orang pegawai dari Jabatan Penerangan semasa menghadiri mesyuarat tersebut.**





*PARA delegasi yang menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan, Media dan Latihan Kali Ke-4 dalam Majlis Makan Malam.*



*ANTARA persembahan kebudayaan pada Majlis Makan Malam tersebut.*



*SALAH seorang peserta ASEAN semasa menculiki pengantin (persembahan perkahwinan) ketika lawatan ke Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong.*



*PARA delegasi ASEAN semasa menyaksikan aktiviti pembuatan kerja-kerja tangan di Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong (atas kiri) sementara salah seorang peserta ASEAN mencuba memakan ambuyat (atas kanan).*



InfoDeptBN

# مقرکنلکن اقليکاسي موده اليه جابتني فنزعن

Memperkenalkan  
**Aplikasi Mudah Alih**  
**Jabatan Penerangan**





- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

## LANGKAH 1

### CARI APLIKASI DAN MUAT TURUN

Ada dua cara mendapatkan Aplikasi Mudah Alih ini ke dalam peranti anda, iaitu melalui Google Playstore (Android) dan App Store (iOS).

Pilih InfoDeptBN untuk memuat turun dan tekan "Install" dan "Open."



## LANGKAH 2

### PELANCARAN APLIKASI

Itu sahaja! Sekarang anda boleh pergi ke menu dan melancarkan aplikasi yang telah dimuat turun.



**Gunakanlah**  
**Aplikasi kami**



Available on the  
App Store



Get it on  
Google Play



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perhubungan  
Jabatan Perkhidmatan  
Kesihatan Masyarakat



infodept.bn



infodept\_bn



Layari e-Paper  
Percuma Online

[www.penerangan.gov.bn](http://www.penerangan.gov.bn) | [www.infobn.gov.bn](http://www.infobn.gov.bn)  
[www.perhubungan.gov.bn](http://www.perhubungan.gov.bn) | [www.infodept.bn](http://www.infodept.bn)

*'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'*

# Senarai Pegawai dan Kakitangan Berkursus/Taklimat/Bengkel Januari 2019

Bil.	Nama	Kursus	Tarikh
1.	Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini	PE2205 Kerja Berpasukan	21-24/1/2019
2.	Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	PE2203 Kursus Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan yang cemerlang	29-31/12019
3.	Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid	PE2203 Kursus Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan yang cemerlang	29-31/12019
4.	Awang Mohammad Hatral Hazmi bin Awang Abdul Hamid	PE2204 Kursus Perkhidmatan Pelanggan yang Berkualiti - Frontliners	7-10/1/2019
5.	Awang Wan Mohammad Sahran bin Wan Ahmad	Penempatan Kerja Penyunting dan Pemberita di Radio Televisyen Brunei	28/1-10/2/2019
6.	Dayang Hajah Zuraiyah binti Awang Sulaiman	Penempatan Kerja Penyunting dan Pemberita di Radio Televisyen Brunei	14-27/1/2019
7.	Awang Hairun Nadhir bin Ismail	PC3207 Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	28/1-6/2/2019

## Pedoman:

### Kelebihan bersedekah:

Bersedekah merupakan perbuatan yang mulia yang dengannya dapat membantu meringankan beban kepada yang menerimanya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadid ayat 18, tafsirnya: "Sesungguhnya orang-orang yang bersedekah laki-laki dan perempuan serta (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta pada jalan Allah) akan digandakan ganjaran kepada mereka dan mereka akan beroleh pahala yang banyak."

## Peristiwa Jabatan Penerangan

### Program Basikalton Brunei Darussalam - Malaysia

Ke arah mengeratkan hubungan kedua buah negara, Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Penerangan Malaysia telah menganjurkan Program Basikalton Brunei Darussalam-Malaysia pada 27 - 30 Oktober 1995.

Penjelajahan basikalton tersebut bermula dari Bandar Miri dan berakhir di Bandar Seri Begawan yang melibatkan pegawai dan kakitangan kedua belah pihak.

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN**



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**